

Soalan 1 (Wajib dijawab)

Pam yang berumur 35 tahun bekerja sebagai seorang pegawai perhubungan awam di sebuah hotel. Baru-baru ini Pam terlibat dalam kemalangan yang mengakibatkan beliau lumpuh dari pinggang ke bawah. Beliau merupakan seorang ibu tunggal yang mempunyai dua orang anak berusia antara 5 dan 8 tahun. Oleh kerana kemalangan, pola kehidupan Pam terpaksa berubah. Ibu bapa Pam mencadangkan Pam dimasukkan ke institusi.

Berdasarkan situasi di atas, huraikan:

- a. ilmu pengetahaun yang perlu diperolehi oleh pekerja sosial dalam mengendalikan perkhidmatan profesional mengenai kes Pam,
- b. nilai-nilai yang perlu difahami oleh pekerja sosial,
- c. kemahiran yang perlu dimiliki oleh pekerja sosial.

(100 markah)

Soalan 2

Praktis Kerja Sosial memerlukan pekerja sosial menggunakan diri secara beretika.

- a. Jelaskan maksud praktis yang beretika.
- b. Huraikan prinsip-prinsip etika dalam praktis kerja sosial.

(100 markah)

Soalan 3

- a. Bincangkan nilai-nilai Kerja Sosial.
- b. Sejauh manakah nilai-nilai Kerja Sosial berbeza daripada nilai masyarakat Malaysia?

(100 markah)

Soalan 4

Kerja Sosial sebagai satu profesion menolong mempunyai kaedah-kaedah praktis tersendiri.

- a. Huraikan kaedah-kaedah praktis Kerja Sosial.
- b. Terangkan peranan yang dimainkan oleh pekerja sosial sebagai agen pengubah.

(100 markah)

Soalan 5

Huraikan dengan menggunakan contoh bagaimana pekerja sosial boleh menonjolkan keprofesionalan Kerja Sosial dalam praktis.

(100 markah)